

18 FEB 1999

Mahathir-Hasut

PENDUDUK SABAH TIDAK HARUS MEMBENARKANN DIRI MEREKA DIHASUT

KOTA KINABALU, 18 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat Sabah supaya tidak membenarkan diri mereka dihasut oleh pihak-pihak tertentu yang cuba menggunakan isu perkauman, kelainan agama dan budaya untuk mendapatkan undi.

Menurut beliau, Barisan Nasional (BN) adalah parti berbilang kaum dan bertindak dengan mengambil-kira kepentingan semua kaum

"Sebab kita beri pertimbangan sewajarnya kepada semua kaum, maka hari ini negara kita aman dan tiada permusuhan," katanya ketika berucap di jamuan Hari Raya dan Tahun Baru Cina di Komplek Sukan Likas di sini.

Menurut beliau, dengan wujudnya keamanan itu, negara dapat mengekalkan kestabilan politik dan ekonomi walaupun menghadapi kegawatan ekonomi.

"Oleh itu kita tak rasa sangat kegawatan ekonomi seperti yang dialami negara lain yang mengalami kemiskinan, tiada perkerjaan dan tak cukup makan," katanya.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat Sabah dan negara amnya supaya memelihara keharmonian yang dikecapi kerana "kita kebiasaannya menganggap keharmonian yang ada kini sebagai perkara biasa tetapi sebenarnya keadaan ini adalah luarbiasa."

"Bila kita sihat, kita tak bersyukur akan kesihatan kita. Kita cuma hargai bila kita sakit," katanya.

Menurut beliau, kadang-kadang apabila keharmonian itu tidak dihargai, ia mungkin tidak dipelihara dan ia mungkin hilang.

Dr Mahathir berkata keharmonian antara kaum hanya boleh dilihat di negara ini.

Beliau memberi contoh apabila orang Melayu, Cina dan India makan bersama-sama, masalah pantang larang dalam makanan satu-satu kaum itu diambil kira.

Beliau turut menyentuh mengenai kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dapat mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum di negara ini.

"Oleh sebab DEB berjaya dalam mengurangkan jurang perbezaan ini, maka rasa iri hati dan ketegangan antara kaum dapat dikurangkan," katanya.

"Hanya mereka yang tidak bersyukur dan berterima kasih dengan keadaan baik di negara kita ini sahaja yang ingin menamatkan pemerintahan yang banyak membawa nikmat di Sabah," katanya.

Majlis itu yang turut dihadiri oleh isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, beberapa Menteri Kabinet dan pemimpin parti komponen BN Sabah.

Sebelum itu Dompok sekali lagi mengingatkan rakyat Sabah supaya mengetepikan segala perbezaan yang boleh menjejaskan hubungan pelbagai kaum di negeri itu

Beliau yang menyeru rakyat Sabah supaya mengekalkan kerajaan BN di negeri ini kerana hanya BN yang mampu membantu masyarakat Sabah menghadapi cabaran pada alaf akan datang.

-- BERNAMA

NZ PR